



Latihan 1

1. Multimedia ialah kesepaduan beberapa unsur **kecuali**,
 - A. teks
 - B. suara
 - C. majalah
 - D. animasi
2. Apakah elemen multimedia yang merakam gambar atau filem yang bergerak secara berturutan?
 - A. Audio
 - B. Teks
 - C. Grafik
 - D. Video
3. Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan animasi.
 - A. Animasi ialah paparan susunan imej reka bentuk atau posisi model yang pantas bagi menghasilkan ilusi pergerakan.
 - B. Animasi merupakan multimedia yang terhasil daripada rakaman filem secara berturutan.
 - C. Animasi ialah gelombang yang dihasilkan oleh jutaan molekul-molekul dalam medium seperti udara.
 - D. Animasi ialah gabungan rakaman gambar dan filem yang berturutan.
- 4.




Namakan perkakasan (*hardware*) yang ditunjukkan di atas?

- A. Kamera
- B. Kamera audio
- C. Pengimbas
- D. Peranti audio



Latihan 2



Melintang

- _____ bermaksud pengguna boleh berinteraksi dan mengambil bahagian di dalam sesuatu persembahan atau penyampaian maklumat.
- _____ ialah bunyi iaitu gelombang yang dihasilkan oleh getaran molekul-molekul dalam medium seperti udara.
- _____ merupakan sebarang paparan visual termasuklah lukisan dan kerja-kerja seni dengan menggunakan teknologi komputer.

Menegak

- _____ juga merujuk kepada simbol, huruf, abjad, nombor, statistik serta pelbagai jenis tulisan dan *font* yang menjadi asas utama bagi penyebaran maklumat.
- Media perkakasan (*hardware*) yang digunakan dalam penghasilan multimedia termasuklah pengimbas, kamera video, peranti audio, peranti penangkap video dan _____.
- Multimedia juga dapat meningkatkan _____ murid dalam sesi pembelajaran di dalam kelas.